

4TH RMAF-TURAF AIR STAFF TALKS 2019

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5131-4th-rmaf-turaf-air-staff-talks-2019



KUALA LUMPUR, 25 Jun 19 - TUDM telah menerima kunjungan delegasi dari Tentera Udara Turki (TURAF) bersempena *4th RMAF-TURAF Air Staff Talks 2019*. Program ini merupakan platform bagi hubungan kerjasama ketenteraan antara TUDM dan TURAF yang merangkumi mesyuarat, makan malam rasmi, lawatan kerja dan lawatan sosial. Program yang diadakan secara penggiliran antara kedua-dua buah negara ini dilihat dapat mengeratkan lagi hubungan Malaysia dan Turki melalui diplomasi ketenteraan.

Mesyuarat Air Staff Talks yang diadakan di Wisma Perwira ATM melibatkan 7 delegasi dari TUDM dan 3 delegasi dari TURAF serta 2 peserta dari pejabat Atase Ketenteraan Turki di Kuala Lumpur.

Peserta Program Air Staff Talks telah disajikan dengan persembahan tarian traditional sambil menikmati makan malam.



